



AMPANG ROAD
OLD BOYS ASSOCIATION



The AROBA Times

Penerima Anugerah AROBA 2013



Brig. Jen. Yusry Haji Anwar ialah seorang anak jati Kuala Lumpur. Beliau telah menuntut di Sekolah Menengah Seri Ampang dari tahun 1972 sahingga tahun 1979.

Mula berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1978 sebagai Pegawai Kadet. Setahun selepas itu beliau telah di tauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam Rejimen Artileri Diraja.

Beliau pernah menjawat pelbagai jawatan. Pernah menjawat jawatan seperti berikut:-

1. Ketua Seksyen, Pegawai Pemerintah, di 31 RAD.,
2. Jurulatih Guneri Artileri Pertahanan Udara, School of Artillery, North Head Manly, New South Wales, Australia. Dari tahun 1995 sahingga tahun 1997, melalui Skim Pertukaran Jurulatih Malaysia-Australia Joint Defence Programme (MAJDP).

3. Beliau juga pernah di amanahkan pelbagai jawatan di Jabatan Arah Artileri.

4. Timbalan Panglima GAPU.

5. Penasihat Pertahanan Malaysia di India (2005 - 2011).

Beliau dilantik sebagai Brigedier Jeneral dan Panglima GAPU ke 3 pada 2011.

Sepanjang perkhidmatan beliau dalam tentera, beliau telah mengikuti pelbagai kursus di dalam dan luar negara. Beliau memiliki Advance Diploma in Business Management dari Swansea University, Wales dan Masters in Management Studies in Human Resources dari New South Wales (UNSW), Australia.

Pernah mengikuti kursus Wolfson and Management Programme di Cambridge University, United Kingdom selama satu semester di bawah tajaan Sime Darby pada 2004.

Semoga kejayaan Brig. Jen. Yusry Haji Anwar menjadi inspirasi kepada pelajar yang sedang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang, Kuala Lumpur khususnya



Kunjungan Hormat ke SPRM

Kuala Lumpur, 27hb. Jan., 2012.

AJK AROBA merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dato' Sri Abu Kassim bin Mohamed di atas kesudian beliau untuk menerima kunjungan hormat dari AROBA ke pejabat nya di Jalan Duta Kuala Lumpur. Dato' Sri Abu Kassim Mohamed merupakan ahli seumur hidup AROBA dan beliau adalah bekas pelajar sekolah Ampang dari tahun 1973 sehingga tahun 1977.

Dalam pertemuan ringkas dan mesra sekitar sejam tersebut, banyak kisah dan peristiwa nostalgia di sekolah Ampang yang diungkapkan dan dikongsi bersama oleh Dato' Sri Abu Kassim dan teman-teman dari AROBA. Thopatalam Ali atau lebih di kenali sebagai Thorpe (dua dari kiri) adalah rakan sekelas dengan Dato' Sri. AROBA juga sempat menyampaikan berita perkembangan AROBA secara ringkas.



Kunjungan mesra AJK AROBA ke pejabat Puan Rozana Ibrahim (bekas guru SMK Seri Ampang)



Kuala Lumpur, 14hb. Feb., 2012

AJK AROBA telah membuat kunjungan hormat ke pejabat Puan Rozana Ibrahim, Director of Language Division, Inst. Of Diplomacy and Foreign Relations, Jalan Wisma Putra, Kuala Lumpur.

Puan Rozana adalah seorang bekas guru di Sekolah Menengah Seri Ampang. Beliau kelihatan amat gembira dengan kunjungan tersebut dan mendapat maklumat mengenai bekas pelajar beliau dan maklumat terkini aktiviti AROBA.

Majlis Makan Malam AROBA

Pada 25hb. Februari 2012, AJK AROBA telah mengadakan Majlis Makan Malam AROBA yang ke 10 di Hotel Flamingo By The Lake, Jalan Ampang, Kuala Lumpur yang telah menggamit memori dan nostalgia lama. Rakan foto di bawah ini menceritakan situasi pada malam tersebut.

Di sertakan keratan-keratan akhbar yang telah menyiarkan mengenai dengan Majlis Makan Malam AROBA yang lepas.

Majlis makan malam AROBA 25 Februari depan

KUALA LUMPUR - Persatuan Bekas Pelajar Sekolah Seri Ampang (AROMA) akan mengadakan majlis makan malam sempena 10 tahun penubuhannya di Hotel Flamingo, Ampang di sini pada 25 Februari depan.

Setiausahaanya, Khairudin Abdullah berkata, majlis tersebut akan berlangsung dari

pukul 8 malam hingga 11.30 malam.

"Seramai 10 orang bekas guru sekolah berkenaan juga akan hadir bagi memeriahkan majlis makan malam tersebut.

"Majlis itu bertujuan untuk menghargai jasa guru-guru yang telah banyak berbakti kepada kejayaan para pelajar,"

katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Khairudin memberitahu, ramai dalam kalangan bekas pelajar sekolah itu menempa nama sebagai pegawai tinggi kerajaan, tokoh korporat, ahli sukan negara dan antarabangsa serta artis tempatan.

AROMA ditubuhkan pada tahun 2001 dan didaftarkan di

bawah Akta Pertubuhan 1996 pada 23 Januari 2001 di Pejabat Pendaftaran Pertubuhan

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung majlis itu boleh menghubungi Khairudin atau Penolong Setiausaha AROBA, Rosli Sulaiman di talian 012-3355314 atau melalui laman web www.aroba.com.my

Kosmo 13hb Feb, 2012

AROMA raikan 10 tahun penubuhan

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Persatuan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Ampang akan menganjurkan Majlis Makan Malam Ampang Road Old Boys' Association (AROMA) 10 Tahun di Hotel Flamingo di sini pada 25 Februari ini.

Yang Dipertua AROMA, Ibrahim Alias berkata, majlis itu dianjurkan sempena 10 tahun penubuhan persatuan itu bagi menghimpunkan bekas guru dan pelajar sekolah tersebut.

Menurutnya, selain bekas pelajar, 10 bekas guru dijangka menghadiri majlis makan malam itu.

"Sekolah ini telah melahirkan ramai cendekiawan yang berjaya mencipta nama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Antaranya Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed, Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani dan ramai lagi yang memegang jawatan penting dalam sesebuah institusi," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Ibrahim, penganjuran majlis itu bertepatan dengan misi penubuhannya untuk menghubungkan dan menyatukan bekas-bekas pelajar bagi membantu memajukan sekolah serta melebarkan jaringan profesional dalam kalangan ahli-ahlinya.

"Usaha ini juga mampu memupuk rasa syukur dan penghargaan kepada sekolah dan guru-guru yang banyak berbakti dan berjasa dalam membentuk jati diri bekas pelajar sehingga sampai ke tahap yang dicapai hari ini," katanya.

Kepada bekas pelajar yang ingin menyertai majlis itu boleh menghubungi Khairuddin Abdullah 0123355314 atau Rosli Sulaiman 0193353518 dan mengikuti perkembangan lanjut mengenainya di www.aroba.com.my.

MAJLIS MAKAN MALAM AROBA

Tarikh: 25 Feb 2012

Masa: 8:00 malam

Tempat: Hotel Flamingo, Jalan Ampang, KL

Semua ahli AROBA dan bekas pelajar sekolah Ampang, ARBS, SSA, SMKSA dijemput hadir. Sila SMS pengesahan kehadiran kpd Wak Rosli 019-335-3518 sebelum atau pada 31 Jan 2012. Terima kasih.





Harian Metro

Aroba anjur makan malam

KUALA LUMPUR: Persatuan Bekas Pelajar Ampang Road Boys School (Aroba) mempe-
lawa semua bekas pelajar sekolah itu menghadiri majlis makan malam di Hotel Flamingo On The Lake, Ampang, di sini, pada 25 Februari ini.

Yang Dipertuanya, Ibrahim Alias berkata, majlis itu bersempena ulang tahun ke-10 penubuhan Aroba dan pada masa sama bertujuan menyatukan bekas pelajar Ampang Road Boys School (ARBS).

"Mengikut sejarah, sekolah kami ditubuhkan pada 1963 dengan nama Shaw Road Afternoon Secondary School kerana menumpang di Sekolah Lelaki Jalan Shaw sebelum berpindah ke Batu 3 Jalan Ampang.

"Selepas berpindah, ia diberi nama ARBS sebelum ditukar kepada Sekolah Seri Ampang (SSA) pada 1974 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang (SMKSA) pada 1989 hingga sekarang," katanya.

Sepanjang 49 tahun sejarahnya, sekolah itu melahirkan nama besar dalam pelbagai bidang.

Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut, bekas pelajar boleh menghubungi Khairuddin Abdullah (012-3355314), Rosli Sulaiman (019-3353518) atau melayari laman web www.aroba.com.my.

Utusan Malaysia 12hb Feb, 2012

H. Metro 16hb Feb., 2012

Majlis Makan Malam AROBA

Berita bergambar pada Majlis Makan Malam AROB yang ke-10, pada 25hb Februari, 2012 di Hotel Flamingo By The Lake, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.



Gambar ihsan - www.aroba.com.my



Majlis Makan Malam AROBA

Berita bergambar pada Majlis Makan Malam AROB yang ke-10, pada 25hb Februari, 2012 di Hotel Flamingo By The Lake, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.



Majlis Makan Malam AROBA

Berita bergambar pada Majlis Makan Malam AROB yang ke-10, pada 25hb Februari, 2012 di Hotel Flamingo By The Lake, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.



Majlis Makan Malam AROBA

Berita bergambar pada Majlis Makan Malam AROB yang ke-10, pada 25hb Februari, 2012 di Hotel Flamingo By The Lake, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.



MESYUARAT AGONG TAHUNAN 2012

KUALA LUMPUR :

Mesyuarat Agong Tahunan AROBA telah berlangsung pada Sabtu, 31hb. Mac, 2012 di Dewan ATMA, Sekolah Menengah Seri Ampang, KL dengan jayanya. Datin Nor Azizah binti Sulaiman, Pengetua SMK Seri Ampang (2012) telah diberi penghormatan untuk merasmikan Mesyuarat Agong kali ini.

Ahli jawatankuasa AROBA mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli yang hadir dan menjayakan mesyuarat kali ini. Pada mesyuarat kali ini, AJK telah memilih Mejar Hj. Mior Rosli bin Dato Hj Mior Mohammed Jaafar (B) sebagai penerima *Anugerah Cemerlang Bekas Pelajar* bagi tahun 2012.



Sekitar Hari Mesyuarat Agong Tahunan AROBA ke 11: Pendaftaran



Sekitar Hari Mesyuarat Agong Tahunan AROBA ke 11: Penempatan



Sekitar Hari Mesyuarat Agong Tahunan AROBA ke 11: Penutupan



Sekitar Hari Mesyuarat Agong Tahunan AROBA ke 11: Makan



Sekitar Hari Mesyuarat Agong Tahunan AROBA ke 11: Penutupan



Sekitar Hari Mesyuarat Agong Tahunan AROBA ke 11: Anugerah Cemerlang Bekas Pelajar



Sekitar Hari Mesyuarat Agong Tahunan AROBA ke 11: Jamuan Pagi



Sekitar Hari Mesyuarat Agong Tahunan AROBA ke 11: Jamuan Pagi



Mesyuarat Agong Tahunan AROBA ke 11



Gambar ihsan dari www.aroba.com.my

AROBAGolfTournament 2012

DENGKIL, SELANGOR :

Pertandingan Golf tahunan anjuran AROBA bagi 2012 telah berlangsung pada 04 November, 2012 di Bukit Unggul Golf Club, Selangor Darul Ehsan. Ia telah mendapat sambutan dari ahli dan juga bukan ahli.



Majlis Berbuka Puasa AROBA di SMKSA 2012



Sekitar Majlis Aidil Fitri 2012M

KUALA LUMPUR :

AROMA telah menganjurkan Majlis Menyambut Hari Raya 'Aidil Fitri 1433H pada 09hb Ogos, 2012 bertempat di Dewan Terbuka, Sekolah Menengah Seri Ampang, Kuala Lumpur. Jamuan bermula dari pukul 2:00 petang dan berakhir jam 5:00 petang. Semua ahli dan bukan ahli AROBA serta keluarga masing-masing dijemput hadir.



Majlis Akujanji PMR, SPM & STPM bersama Datuk Ir. Abd Kadir



Majlis Akujanji PMR, SPM dan STPM di SMKSA

Yg Bhg Datuk Ir Abdul Kadir Mohd Din CEO Indah Water Konsortium Sdn Bhd yang juga bekas Ketua Murid Sekolah Seri Ampang memberi kata-kata semangat, perangsang dan motivasi kepada anak-anak Seri Ampang pada 30 Mac 2012



Majlis Anugerah Cemerlang SMK Ser Ampang 2012



Majlis Anugerah Cemerlang SMK Seri Ampang dirasmikan oleh Bekas Pelajar, Major (B) Hj Mior Rosli B. Datuk Hj Mior Mohd Jaafar, 28 April 2012.

Ceramah Pengurusan Kualiti oleh En. Mohd Nor Azam



Sukan SMK Seri Ampang di Rasmikan oleh Jurulatih KLFC



Kunjungan Hormat AROBA ke Arkib Negara



Brig. Jen Yusry merasmikan Hari Anugerah Ko-ko & Sukan SMK Seri Ampang



Latihan Dalam Perkhidmatan 2/2012 SMK Seri Ampang di Jab. Arkib Negara bersama bekas pelajar





www.aroba.com.my

AMPANG ROAD OLD BOYS ASSOCIATION

Alamat di daftarkan:
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang,
Batu 3, Jalan Ampang, 55000 Kuala Lumpur

Pejabat Operasi:
No. 62, Jalan Raja Uda,
Kampong Bahru
50300 KUALA LUMPUR

Tel/Fax: +603 2202 7126
e-mail: aroba01@gmail.com
<http://www.aroba.com.my>
<http://www.facebook.com/ampang-road-old-boys-association>

PERLEMBAGAAN AROBA

FASAL 4: TUJUAN / MATLAMAT

Pertubuhan ini ditubuhkan bertujuan untuk:

- a. Mengumpulkan bekas pelajar-pelajar Ampang Road Boys School (ARBS), Sekolah Seri Ampang (SSA) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang (SMKSA), Kuala Lumpur dan Selangor;
- b. Mengeratkan silaturrahim dikalangan bekas pelajar-pelajar ARBS, SSA dan SMKSA;
- c. Mewujudkan tabung kebajikan untuk membantu ahli-ahli;
- d. Menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat kepada Pertubuhan, SMK Seri Ampang, bekas pelajar-pelajar dan/atau pelajar-pelajar SMK Seri Ampang dalam bidang promosi sukan, kebudayaan, kebajikan, rekreasi dan sosial;
- e. Memiliki harta (boleh alih atau tidak boleh alih) untuk mencapai dan / atau merealisasikan tujuan-tujuan diatas; mengutip derma / sumbangan untuk tujuan-tujuan diatas dan / atau tujuan-tujuan lain yang berkaitan dari semasa ke semasa dengan syarat kutipan derma daripada orang awam hendaklah mendapat kelulusan Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

A l – F a t i h a h

03hb Mac, 2012.

Ayahanda Saudara Ibrahim Alias (YDP AROBA 2012/2013) telah kembali ke rahmatullah dan telah dikebumikan di tanah perkuburan Jalan Ampang.

31hb Mac, 2012.

AROA merakamkan salam takziah di atas kemangkatan anakanda DYMM Raja Permaisuri Sultan Perak Tuanku Bainun iaitu Almarhum Yang Amat Mulia **Raja Kechil Sulong Perak, Raja Dato Seri Ashman Shah Ibni Sultan Azlan Shah.**

Almarhum telah mangkat akibat

serangan Asma di kediamannya di Jalan Setia Bakti 5, Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Jenazah beliau telah dibawa ke Istana Iskandariah Kuala Kangsar dan disemadikan di Makam Diraja Al- Ghufuran, Bukit Chandan. .

26hb Ogos, 2012.

Ayahanda kepada Saudara Major Mior Rosli (AJK) dan Dato' Seri Mior Rosdi iaitu Dato Hj. Mior Mohammed Jaafar Bin Mior Safi, telah kembali ke rahmatullah. Allahyarham telah menghembus nafas terakhirnya di Hospital Pantai Kuala Lumpur pada usia 84 tahun.

03hb September, 2012.

Ayahanda kepada Saudara Azman Long telah kembali ke rahmatullah.